



Kaedah Perakaunan Zakat Pertanian Dalam Taksiran Zakat Pertanian Padi

Agricultural Zakat Accounting Method in Rice Agricultural Zakat Assessment

MUHAMAD ANAS IBRAHIM

Akedemi Pengajian Islam Kontemporari Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh 13500 Permatang Pauh Pulau Pinang.

E-Mail: anasibrahim@uitm.edu.my | Tel : +60193231782

NURUL ILYANA MUHD ADNAN

Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Email: ilyana_adnan@ukm.edu.my | +60 19-298 0708

AEMY AZIZ

Akedemi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA Johor, Kampus Segamat, Jalan Universiti Off, KM 12, Jalan

Muar, Kemajuan Tanah Jementah Batu Sebelas, 85000 Segamat, Johor.

E-Mail: aemy@uitm.edu.my | +60 14-344 8065

SYAIMAK ISMAIL

Akedemi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis.

E-Mail: syaimak@uitm.edu.my | +60 12-475 3327

MUHAMMAD SAIFUL ISLAM ISMAIL

Akedemi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kedah.

E-Mail: saifulislam@uitm.edu.my | +60 19-344 4170

Received: September 19, 2023

Accepted: September 25, 2023

Online Published: September 30, 2023

Abstrak

Husain Husain Syahatah merupakan salah seorang sarjana Islam yang mempelopori dalam perakaunan zakat. Beliau terkenal dengan tulisan perakaunan zakat khususnya terhadap harta kontemporari yang diwajibkan zakat. Dalam menganalisis pemikiran beliau tentang perakaunan zakat, maka kertas kerja ini membincangkan kaedah taksiran zakat pertanian yang dijalankan secara komersial. Isu yang akan dibincangkan dalam kertas ini yang pertama, tentang penolakan kos pengeluaran dalam operasi pertanian; kedua tentang penolakan kos sara hidup bagi petani yang terlibat secara langsung dalam pertanian; dan ketiga tentang kadar zakat yang digunakan dalam membuat taksiran zakat pertanian komersial tersebut. Akan diujahkan bahawa taksiran zakat pertanian komersial yang ditawarkan oleh Husain Husain Syahatah boleh diamalkan di Malaysia kerana kaedah itu bersesuaian dengan keadaan semasa di Malaysia ketika ini.

Kata kunci: Kos pengeluaran pertanian, kos sara hidup, kadar zakat pertanian.

Abstract

Husain Husain Syahatah is the Islamic scholars who pioneered in zakat accounting. His contribution especially for contemporary property that is obligated to zakat-paying has affecting the thoughts analysis and discussions about zakat accounting. Therefore, this paper discusses the agricultural zakat assessment method that is carried out commercially. This paper has mainly focused on (1) the deduction of production costs in agricultural operations; (2) the deduction of subsistence costs for farmers directly involved in agriculture; and (3) zakat rate implemented in the zakat assessment of commercial agriculture. The findings identify the commercial agricultural zakat assessment that introduced by Husain Husain Syahatah are appropriate practiced in Malaysia because it is compatible with the current situation in Malaysia.

Keywords: Agricultural production cost, cost of living, agricultural zakat rate.

1.0 Pengenalan

Zakat adalah suatu kewajipan dan ibadah yang berkaitan harta, zaka salah satu daripada rukun Islam, keingkaran dalam zakat ini merupakan seorang yang kafir, manakala melarang nya tergolong sebagai Muslim yang pelaku kemaksiatan. Maka satu kewajipan bagi setiap Muslim bertaubat dan memohon keampunan dengan menunaikan kewajipan berzakat



sebelum kematian, kerana hari kebangkitan nanti akan dihitung segala harta yang dimiliki dan di mana harta tersebut dibelanjakan. Kertas ini telah menganalisis pemikiran Husain Husain Syahatah¹ dalam taksiran zakat pertanian. Taksiran beliau merupakan pecahan daripada cara perakaunan zakat dengan mengambil kira segala bentuk perbelanjaan yang berlaku dalam pertanian tersebut. Antara kitab yang dikarang oleh beliau menjadikan satu sumbangan yang besar kepada perkembangan ilmu berkaitan zakat ini seperti kitab *al-Totbiq al-Mu'asaru Lil Zakati, Muhazibatu al-Zakat, Dalil Husiba al-Zakat* serta beberapa maqalah beliau yang membantu kepada penaksiran zakat pertanian antaranya, *al-Zakat Islahi al-Iqtisodi, Muhazarat 'an al-Totbiqati al-Mu'asara Lilzakat dan Tasulat Mu'asaratu wa Hahlaltu Totbiqiyah 'ala al-Sadaqatu al-Mal wa Sadaqah al-Fitra*.

Daripada karya beliau terdapat perbezaan penaksiran zakat yang berlaku di antara Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) dengan beliau adalah berkaitan penolakan seperti hutang-hutang melibatkan pertanian, kos upah, pencegahan penyakit bagi pertanian, dan sebagainya. Malahan menjadi isu utama dalam penaksiran ini adalah yang pertama fatwa yang diwartakan bahawa kos pengeluaran yang melibatkan pertanian tidak ditolak, maka perkara ini sangat membebankan para pengusaha pertanian. Kedua, kos sara hidup petani tidak dibenarkan melakukan penolakan apabila hasil sudah didapati, maka perkara ini kesan perbelanjaan bulanan yang ditanggung para petani sehingga tidak memenuhi maqasid syariah sebagai seorang manusia. Dan ketiga, kadar bagi zakat komersial ini yang dikenakan 2.5% daripada hasil pertanian apabila mengias kadar kiraan zakat perniagaan dan emas. Berdasarkan daripada penulisan beliau analisis akan dilakukan untuk mengkaji cara penaksiran beliau. Justeru, perbincangan kertas ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, penolakan kos pengeluaran dalam operasi pertanian. Kedua kos sara hidup petani yang terlibat secara langsung dengan pertanian. Ketiga, menganalisis kadar zakat yang digunakan dalam membuat penaksiran zakat pertanian komersial.

2.0 Penyataan Masalah

Kekurangan kefahaman dalam kalangan petani padi memberikan kesan menunaikan zakat pertanian. Hal ini, terjadi akibat daripada tiada rekod yang jelas tentang aliran wang yang digunakan dalam operasi dan sara hidup bagi petani. Kaedah perakaunan ini memberikan kesenangan dalam pengiraan segala bentuk kos yang digunakan dalam pertanian padi. Justeru, amatlah penting kaedah penaksiran padi dengan menggunakan pengiraan dalam bentuk perakaunan dalam dilakukan oleh para petani padi.

3.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan deskriptif untuk menghuraikan secara mendalam berkaitan kaedah perakaunan zakat padi. Fokus kajian melihat kepada sorotan literature dalam aspek kos pengeluaran, kos sara hidup, kaedah pengiraan pertanian mahsul dan komersial dan kadar pengeluaran zakat. Kaedah literature ini dapat dikaji secara analisis berbentuk deskriptif secara menyeluruh terhadap kaedah perakaunan zakat dalam penaksiran zakat padi. Berdasarkan kepada kaedah kualitatif ini dapat menjawab persoalan kajian yang dibangkitkan.

4.0 Kos Pengeluaran

Dalam penulisan beliau, telah menyatakan setiap yang keluar daripada bumi serta boleh dimanfaatkan kepada manusia dan haiwan maka dimaksudkan sebagai tanaman. Dan tanaman yang dilakukan itu memerlukan kepada daya usaha untuk mengeluarkan hasil yang baik. Sudah pasti kos-kos yang melibatkan pertanian itu sudah ada. Oleh itu, dalam mengeluarkan hasil kos pengeluaran merupakan perkara yang membebankan para pengusaha pertanian, berikut adalah contoh jadual 1.0 taksiran yang telah beliau nyatakan:-

¹ Husain Husain Syahatah dilahirkan pada tahun 1939M di Bandar Samnud Gharbiyah, pengajian awal dengan menghafal al-Quran, melanjutkan pengajian di peringkat pengajian umum dan memperoleh Ijazah sarjana muda perniagaan daripada Universiti Iskandariah pada tahun 1962M dan Master daripada Universiti Cairo pada tahun 1969M dan PhD daripada United Kingdom pada tahun 1976M. bermula kerjayanya sebagai pegawai akauntan di Kementerian Luar pada tahun 1962M, Kemudian itu pembantu pensyarah di bahagian perakaunan di fakulti perniagaan di Universiti al-Azhar pada tahun 1964M sehingga mencapai jawatan kepada Ketua bahagian perakaunan di Fakulti.



Jadual 1: Penaksiran Kos Pengeluaran

Perkara	Jumlah sebahagian	Jumlah keseluruhan
*Hasil Kasar		XX
: perbelanjaan pertanian (dengan syarat tidak melebihi daripada 1/3 nilai hasil)	XX	
• Tanggungan pertanian	XX	
• Perbelanjaan lain yang berkaitan dengan hasil	XX	
Hasil Bersih		XX
		XXX

Jadual di atas cara mengira taksiran yang dilakukan oleh Husain Husain Syahatah penolakan terhadap kos pengeluaran. Penolakan juga berlaku terhadap bahan-bahan kimia yang berkaitan pertanian untuk menyokong penyuburan atau pencegahan penyakit.

4.1 Kos Sara Hidup

Dalam aktiviti pertanian kos sara hidup menjadi satu bebanan yang di tanggung oleh para petani dalam pengusahaan. Maka terdapat pelbagai pandangan berkaitan kos sara hidup ini seperti antaranya, Abu 'Ubayd telah mengambil pandangan yang dikeluarkan oleh para sahabat melalui pertanyaan Jabir bin Zaid berkaitan seseorang yang telah berhutang di dalam pertanian beliau untuk perbelanjaan bagi pertanian dan keluarga. Jabir menyatakan bahawa:

عن جابر بن زيد عن ابن عباس وابن عمر في الرجل يستقرض فينفق على ثمرته وعلى أهله، قال: قال ابن عمر: (بيداً بما استقرض فيقضيه، ويؤكفي ما بقي، قال: وقال ابن عباس: يقضي ما أنفق على الثمرة، ثم يؤكفي ما بقي)

“Daripada Jabir Bin Zaid dari Ibn ‘Abas dan Ibn ‘Umar seseorang yang berhutang untuk membelanjakan kepada pertanian nya dan ke atas ahli keluarganya: Ibn ‘Umar pula berpendapat orang itu boleh membelanjakannya untuk ladang dan keluarganya Ibn ‘Abbas berpandangan bahawa lelaki itu boleh membelanjakan hutangnya itu kepada ladangnya.” (Abu ‘Ubayd, 1991).

Oleh itu, ini menunjukkan penolakan kos sara hidup yang dalam pertanian yang umum, maka melihat pada pemikiran Husain Husain Syahatah² di dalam temu bual berkaitan kos sara hidup ini di bahagikan kepada dua iaitu pertanian yang melibatkan komersial dibenarkan melakukan penolakan. Manakala yang kedua pertanian yang melibatkan hasil bukan tahunan tidak dibenarkan berlaku penolakan.

5.0 Pertanian Komersial

Taksiran zakat pertanian komersial berdasarkan kepada pemikiran Husain Husain Syahatah adalah pertanian yang tidak dipungut hasilnya secara musim tetapi hasil didapati secara harian dan kadar hitungannya melibatkan tahunan. Zakat pertanian Komersial terdiri daripada sebarang aktiviti tanaman yang dilakukan seperti pokok getah, kelapa sawit, lada

² Temu bual dengan Husain Husain Syahatah di Nasr City, Cairo, Egypt. Pada 13 Feb 2014 jam 1950.



hitam, koko, buah-buahan serta sayur-sayuran. Maka pertanian tersebut tidak melibatkan hasil kutipan bermusim tetapi hasil diperolehi megikut harian, mingguan atau bulanan.

Berikut jadual 2. adalah cara taksiran zakat komersial dikira oleh Husain Husain Syahatah:

Jadual 2: Penaksiran Zakat Pertanian Komersial

Perkara	Jumlah sebahagian (RM)	Jumlah keseluruhan (RM)
*Nilai Hasil pertanian Komersial		500 000
# Penolakan :-		
- Tanggungan pertanian	200 000	
- Perbelanjaan pertanian		
- Pembelian berkaitan pertanian	50 000	
- Sara hidup petani		
- perbelanjaan pertanian		
	15 000	
Jumlah Keseluruhan	20 000	
	5 000	
Jumlah bersih	300 000	
		200 00

Maka jadual di atas menunjukkan penolakan kos sara hidup yang berkaitan syarikat atau individu dibenarkan di dalam taksiran zakat pertanian komersial.

6.0 Pertanian Mahsul

Dalam Pertanian *mahsul* (yang diperolehi) daripada hasil pertanian berdasar daripada pemikiran beliau adalah pertanian yang bermusim dan dipungut apabila waktu melaksananya. Justeru, pertanian tersebut seperti gandum dan padi merupakan pertanian yang mendapat hasil apabila waktu menuai nya sama ada dijalankan secara komersial atau sara hidup. Berdasar daripada temu bual beliau, dan fatwa oleh Hai'ah al-Syariah al-'Alamiah lil zakat bahawa tidak ada penolakan kos sara hidup bagi daripada taksiran zakat pertanian. Di samping itu jadual 3.0 di bawah merupakan pandangan beliau tentang kos sara hidup.



Jadual 3: Penaksiran Zakat Pertanian Mahsul

Perkara	Jumlah sebahagian (RM)	Jumlah keseluruhan (RM)
*Nilai Hasil pertanian Komersial		100 000
# Penolakan :-		
- Tanggungan pertanian	15 000	
- Perbelanjaan pertanian		
- Pembelian berkaitan pertanian	5 000	
- perbelanjaan pertanian		
Jumlah Keseluruhan	5 000	
	10 000	
Jumlah bersih	50 000	
		50 000

Jadual di atas menunjukkan tidak berlaku sebarang penolakan daripada kos sara hidup malah kos yang dibenarkan dalam penolakan ialah perkara yang melibatkan pertanian sahaja.

6.1 Kadar Zakat

Bagi zakat pertanian mempunyai kadar yang tertentu untuk dikeluarkan apabila sudah mencukupi nisab pertanian tersebut, melihat kepada pemikiran Husain Husain Syahatah di dalam pengiraan kadar zakat pertanian kepada dua bahagian, iaitu zakat pertanian yang tidak dikomersialkan dan yang kedua kadar zakat pertanian yang dikomersialkan. Secara umumnya kadar zakat telah ditetapkan sebanyak 5% atau 10% bergantung kepada penggunaan jentera atau tidak semasa diiri. Berdasarkan kepada hadis ini:

عن رسول الله صلى الله عليه وسلم: " فيما سقت الأنهار والغيم العشر, وفيما سقت بالسقين نصف العشر "

Maksudnya : *Daripada Rasulullah SAW bersabda berkaitan kadar untuk pengeluaran zakat :” apabila pertanian tersebut menggunakan sungai atau air hujan maka dikenakan 10%, Dan pertanian yang diiri dengan menggunakan upah atau jentera maka dikenakan 5%”*
 Diriwayatkan oleh Muslim.

Maka secara dasarnya pandangan Husain Husain Syahatah berkaitan kadar untuk pertanian ini adalah 10% apabila pertanian tersebut tidak dibebani tanggungan yang berat seperti sewa tanah, kos pengairan dan kesulitan ketika operasi pertanian. Namun apabila melibatkan pertanian yang memerlukan kepada bebanan hutang, cukai, sewaan atau pajakan serta kos-kos pengeluaran maka kiraan kadar zakat terus bertukar kepada 5% kerana dibebani tanggungan yang lain. Selain itu, kadar ini merupakan cara pengiraan bagi pertanian yang melibatkan bermusim seperti padi dan gandum.



Maka jadual 4.0 ini menyatakan kiraan zakat dengan kadar 10% atau 5 % daripada hasil bersih daripada pendapatan pertanian.

Jadual 4: Penaksiran Kadar Zakat

Perkara	Jumlah sebahagian (RM)	Jumlah keseluruhan (RM)
*Nilai Hasil pertanian Komersial		100 000
# Penolakan :-		
- Tanggungan pertanian	15 000	
- Perbelanjaan pertanian	5 000	
- Pembelian berkaitan pertanian		
- perbelanjaan pertanian		
Jumlah Keseluruhan	5 000	
	10 000	
Jumlah bersih	50 000	
		50 000
Kadar zakat 10%	50 000 x 10%	5 000
Kadar Zakat 5%	50 000 x 5%	2 500

Oleh itu, berdasar jadual di atas maka pengeluaran zakat tidak berlaku perubahan dengan ketetapan kadar sebanyak 10% atau 5% daripada hasil bersih pertanian.

6.2 Kadar Zakat Komersial

Menurut taksiran kadar zakat komersial adalah pengiraan kepada pertanian yang melibatkan hasil tahunan seperti pertanian pokok kelapa sawit, getah, sayur-sayuran serta buah-buahan. Pengiraan kadar terbahagi kepada dua dengan kadar 2.5%³ dan 10%, berdasar data temu bual telah menerbitkan jadual 5.0 untuk menjelaskan kiraan 2.5% daripada hasil pertanian.

³ Kadar zakat *Mustaqilat* (komersial) telah difatwakan di Pusat Kajian Islam, Mesir pada persidangan kedua tahun 1965M bersamaan 1385H. Dan fatwa yang sama dikeluarkan pada Persidangan Islam di pertemuan kedua pada tahun 1985M bersamaan



Jadual 5: Penaksiran Kadar Zakat Komersial

Perkara	Jumlah sebahagian (RM)	Jumlah keseluruhan (RM)
*Nilai Hasil pertanian Komersial		250 000
# Penolakan :-		
- Tanggungan pertanian	85 000	
- Perbelanjaan pertanian		
- Pembelian berkaitan pertanian	15 000	
- Sara hidup		
- perbelanjaan pertanian		
	10 000	
Jumlah Keseluruhan	20 000	
	20 000	
Jumlah bersih	150 000	
		100 000
*Kadar Pengiraan zakat:-		
Kadar zakat 2.5% (Hijrah)	$100\,000 \times 2.5\%$	2 500
Kadar zakat 2.5% (Masihi)	$100\,000 \times 2.575\%$	2 575

Menurut beliau, nisab bagi zakat komersial berdasarkan kepada kiraan pengiraan emas yang dihitungkan jumlah pendapatan melebihi 85 gram emas. Manakala kadar nya adalah 2.5%. jesteru, pengiraan zakat komersial ini mengikut haul tahunan yang berbeza, 2.5% kadar ini dikira pada tahun Hijrah dan 2.575% pengiraan untuk tahun Masihi.⁴ Bagi pengiraan 10% disabitkan dengan pengiraan kadar zakat pertanian biasa, tidak ada perubahan dari sudut tahunan⁵. Oleh itu, jadual 6 cara pengiraan menggunakan kadar 10% daripada hasil bersih pertanian.

1406. Dan fatwa yang sama juga telah dikeluarkan di Persidangan Zakat Pertama, Kuwait pada tahun 1984M bersamaan 1404H dengan kebanyakan anggota memersetujui.

⁴ Kitab Tatbiq lil Mu'asarah " Kaifa Tahsibu Zakat" hlm 187



Jadual 6: Penaksiran Kadar Zakat Komersial

Perkara	Jumlah sebahagian (RM)	Jumlah keseluruhan (RM)
*Nilai Hasil pertanian Komersial		250 000
# Penolakan :-		
- Tanggungan pertanian	85 000	
- Perbelanjaan pertanian		
- Pembelian berkaitan pertanian	15 000	
- Sara hidup		
- perbelanjaan pertanian	10 000	
	20 000	
Jumlah Keseluruhan	20 000	
	150 000	
Jumlah bersih		
		100 000
*Kadar Pengiraan zakat:-		
Kadar zakat 2.5%	100 000 x 10%	10 000

Maka, pandangan beliau berkaitan zakat komersial berdasarkan kepada ijtihad dan persetujuan di persidangan dalam dan luar Negara yang berkaitan zakat.

7.0 Rumusan

Zakat merupakan suatu ibadah yang wajib dilaksanakan bagi setiap harta yang dimiliki oleh orang yang mukalaf tetapi kewajipan zakat tidak dikenakan pada harta kanak-kanak yang belum baligh⁶. Oleh kewajipan ini sudah tidak ada pertikaian lagi dengan dalil yang Qat'i⁷ yang berkaitan kewajipan zakat. Oleh itu berlaku pelbagai Ijtihad⁸ berkaitan taksiran zakat dan kadar telah dikeluarkan sebagai contoh Husain Husain Syahatah telah menyatakan pandangan taksiran zakat pertanian ke atas kos pengeluaran dan sara hidup. Hukum membenarkan kos pengeluaran ditolak adalah selari dengan bebanan yang ditanggung oleh pengusaha pertanian (Asmak ab Rahman & Pazim @ Fadzim Othman, 2005), seperti teknologi pertanian yang semakin maju maka sudah pasti kos pengeluaran juga meningkat untuk bertujuan mencapai hasil yang banyak dan kualiti yang tinggi. Maka, situasi ini amat penting untuk menjana ekonomi kepada para pengusaha. Apabila pendapatan yang tinggi oleh para pengusaha pertanian sudah pasti mereka di antara golongan yang mengeluarkan zakat kepada yang berhak menerimanya. Penolakan ini telah diterima sebagai fatwa

⁶ Aisam Abu Nasir (2010), "al-Itar al-Fiqhy wa al-Muhasibi lil Zakat" Dar al-Nasyar Lil Jamiat, Cairo, Egypt. Hlm 33

⁷ Qat'i merupakan sesuatu ketetapan yang dikeluarkan berdasar kepada dalil tersebut yang membawa maksudnya. Dalil Qat'i merupakan peringkat yang tetap kerana dalil tersebut disebut berulang-ulang kali (Qutub Mustafa Sanu, 2006).

⁸ Menurut Qutub Mustafa Sanu (2006), dari sudut bahasa ialah sesuatu yang berat dan sulit. Bagi sudut istilah ijtihad adalah pengetahuan yang luas berkaitan fiqh sehingga menghasilkan hukum syar' i berdasar kepada sangkaan disebabkan kemampuan ilmu untuk mengaitkan hukum keatas setiap perkara.



Majlis Agama Negeri (MAIN) seperti di negeri Perlis, dan Kedah, untuk fatwa MAIN Kelantan tidak membenarkan penolakan kos pengeluaran tetapi para petani mengeluarkan zakat daripada hasil bersih (Nor Aini Ali & Lokman Abdullah, 2012). Manakala sebahagian MAIN tidak menerima penolakan kos pengeluaran daripada hasil yang diperoleh seperti negeri Selangor (Majlis Agama Islam Selangor, 2014), dan Johor (Majlis Agama Islam Johor, 2014).

Di samping itu, *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat* Manual turut menerima kaedah penolakan kos pengeluaran daripada hasil kasar sebelum membuat pengiraan zakat. (JAWHAR, 2008). Selain itu, menurut Yusuf al-Qarhawi (2003), penolakan kos pengeluaran turut dibenarkan di dalam zakat pertanian apabila melihat dari sudut bebanan yang ditanggung oleh pengusaha pertanian. Justeru, pandangan yang telah diutarakan oleh Husain Husain Syahatah telah disokong oleh penyidik berdasarkan hujah-hujah yang membenarkan kos pengeluaran pertanian ditolak daripada hasil kasar yang diperoleh. Manakala penolakan kos sara hidup berdasarkan pandangan daripada Husain Husain Syahatah kos tersebut tidak dibenarkan berlaku penolakan bagi pertanian yang bermusim, tetapi membenarkan penolakan berlaku kepada pertanian yang komersial. Oleh itu, berlaku perbezaan ijihad dalam penilaian taksiran zakat pertanian. Walau bagaimanapun Abu Ubayd (1981), telah menyatakan kos sara hidup yang ditanggung oleh pengusaha pertanian boleh ditolak berdasarkan daripada pandangan Ibnu Umar :-

عن جابر بن زيد عن ابن عباس وابن عمر في الرجل يستقرض فينفق على ثمرته وعلى أهله، قال: قال ابن عمر: (يبدأ بما استقرض فيقضيه، ويترك ما بقي...)

“Daripada Jabir Bin Zaid dari Ibn ‘Abas dan Ibn ‘Umar seseorang yang berhutang untuk membelanjakan kepada pertanian nya dan ke atas ahli keluarganya: Ibn ‘Umar pula berpendapat orang itu boleh membelanjakannya untuk ladang dan keluarganya.....”

Perkara yang sama juga telah disokong oleh Sayed Sabiq (2009, hlm 1:254), dan Yusuf al-Qardawi (2003, 1:419-421) dengan menambah sesungguhnya Nabi Muhammad SAW menyuruh mengambilkan zakat dari golongan yang kaya dan diberikan kepada orang yang miskin, serta di dalam masa yang sama tidak mungkin terjadi orang yang miskin mengeluarkan zakat sedangkan keadaan ketika itu mereka orang yang berhutang atau miskin.

8.0 Kesimpulan

Pemikiran daripada Husain Husain Syahatah bolehlah menjadikan satu rujukan kepada MAIN di dalam membuat penaksiran zakat pertanian yang berlaku di Malaysia. Pandangan yang dilontarkan oleh beliau merupakan satu pandangan yang bernas di dalam keadaan sekarang, apabila pengusaha pertanian mengalami bebanan yang tinggi disebabkan oleh kos-kos yang terdapat di dalam pertanian. Di samping itu, pihak MAIN boleh meneliti pandangan beliau yang kontemporari ini sebagai asas penaksiran zakat pertanian daripada sumber hukum Usul Fiqh *Maslahih al-Mursalah*⁹ bagi mengelakkan bebanan yang berat untuk ditanggung oleh para petani dalam modus operandi pertanian semasa. Maka sewajarnya pandangan beliau disambut baik oleh MAIN dengan mengeluarkan hasil pertanian daripada untung bersih selepas menolak segala kos-kos yang berkaitan dengan pertanian tersebut. Walaupun, pandangan beliau berkaitan tidak menerima kos sara hidup ditolak dalam taksiran zakat pertanian, tetapi masih mempunyai pandangan daripada ulama salaf dan khalaf menerima pandangan tersebut sebagai melihat reality semasa kerana menurut kajian Asmak Ab.Rahman & Pazim @ Fadzim Othman (2005, hlm 53) apabila hasil yang diperoleh daripada pertanian masih tidak mampu untuk menanggung keperluan bulanan.

Rujukan

Abu Ubaid (1981), *Kitab al-Amwal*. Cairo, Egypt: Dar al-Fikr

Asmak ab Rahman & Pazim @ Fadzim Othman (2005). *Kaedah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya Terhadap Petani : Kajian di Selangor*. Jurnal Syariah.

Husain Husain Syahatah, *Dalil Husaiba al-Zakat*. Cairo: Dar al-Toba' wa al-Nasyar al-Islamiah.

Husain Husain Syahatah (2001), *al-Totbiq al-Mu'asaru Lil Zakati, Muhazibatu al-Zakat “ Kaifa Tuhsibu Zakat Malik”*. Cairo: Dar al-Nasyir lil Jamiat.

Husain Husain Syahatah (1987), *Muhasibatu al-Zakat Mahfuman wa Nizoman wa Tatbiqan*. Cairo: Dar al-Nasyir lil Jamiat.

⁹ Menurut Qutub Mustafa Sanu (2006, hlm 413-414), *Maslahih al-Mursalah* ialah tidak diketahui daripada dalil tetapi terhasil dari melihat keadaan yang boleh mengelakan berlaku keburukan kepada manusia.

Sebagai contoh :- pengumpulan al-Quran menjadi sebuah mashaf oleh Saidina Uthman RA, menjatuhkan hukum bunuh kepada satu kumpulan yang membunuh seorang, dan jika melihat pada keadaan sekarang seperti lampu isyarat bagi mengelakan berlaku kemalangan atau sebagainya.



-
- Husain Husain Syahatah (2011), *Kaifa Tuhsibu Zakat Malik?*. Cairo: Dar al-Nasyir lil Jamiat.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2008). *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*. Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2001). *Panduan Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) (2014). *Panduan Zakat Pertanian*. Johor Bahru: Majlis Agama Islam Johor.
- Nor Aini Ali & Lokman Abdullah (2012), *Amalan Taksiran Zakat Padi di Negeri – Negeri Terpilih di Malaysia*, di bawah buku; *Transformasi Penyelidikan Dalam Bidang Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam.
- Qutub Mustafa Sanu (2006), *Mu'jam Mustolahat Usul Fiqh: Arabi - Injilizi*. Damsyik: Dar Fikr
- Sayed Sabiq (2009, hlm 1:254), *Fiqh al-Sunnah*. Cairo: Dar al-Fath.
- Yusuf al-Qardawi (2003) .*Fiqh al-Zakat : Dirasatu Muqaranah lil Ahkamiha wa Falasafatiha fi zhou'I al-Quran wa al-Sunnah*.Cairo: Ma